

SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD MENURUNKAN KADAR ASAS KEPADA 3.77%

Bank Islam Malaysia Berhad (“Bank Islam”) menyemak semula Kadar Asas (“BR”) sebanyak 26 mata asas daripada 4.03% kepada 3.77%, manakala Kadar Pembiayaan Asas (“BFR”) diturunkan daripada 6.98% kepada 6.72% berkuat kuasa 10 Mei 2019.

Ketua Pegawai Eksekutif Bank Islam, Encik Mohd Muazzam Mohamed memaklumkan bahawa penyemakan semula kadar adalah disebabkan oleh pengurangan Kadar Dasar Semalaman (“OPR”) oleh Bank Negara Malaysia sebanyak 25 mata asas kepada 3.00%. Kadar semakan ini akan memberi manfaat kepada para pelanggan kami yang mempunyai pegangan pembiayaan kepada BR / BFR kerana kadar keuntungan yang efektif akan diturunkan dengan sewajarnya yang membawa kepada jumlah ansuran yang lebih rendah. Ini adalah selaras dengan aspirasi kerajaan baru-baru ini untuk membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat serta merancakkan lagi aktiviti ekonomi.

Untuk maklumat lanjut, layari www.bankislam.com.my

Mengenai Bank Islam

Bank Islam Malaysia Berhad, anak syarikat kepada BIMB Holdings Berhad ditubuhkan pada 1983 sebagai Bank Islam pertama di Malaysia. Sehingga kini, Bank Islam mempunyai 149 cawangan dan lebih daripada 1000 terminal layan diri di seluruh negara. Bagi memenuhi keperluan kewangan masyarakat Malaysia umumnya, Bank Islam menawarkan lebih daripada 70 produk dan perkhidmatan perbankan berlandaskan Syariah untuk memenuhi keperluan orang Islam dan bukan Islam. Untuk maklumat lebih lanjut mengenai produk dan perkhidmatan Bank Islam, sila lawati www.bankislam.com.my atau hubungi Pusat Panggilan Bank Islam di talian 03-26 900 900.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Wan Norkhairi Wan Samad Ketua, Komunikasi Korporat Kumpulan Bank Islam Malaysia Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel: 03-2782 1232 Mobile: 019-339 4491 Faks: 03-2782 2998 Emel: wnorkhairi@bankislam.com.my Web: www.bankislam.com.my	Omar Atin Hubungan Media & Editorial, Komunikasi Korporat Kumpulan BIMB Holdings Berhad Tingkat 31, Menara Bank Islam No. 22, Jalan Perak 50450 Kuala Lumpur Tel.: 03-2781 2943 Mobile: 019-391 9144 Faks: 03-2782 2998 Emel: omar@bimbholdings.com Web: www.bimbholdings.com
-------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------	---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------